

ANALISIS PERBANDINGAN PANDANGAN ALAM SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS DAN NURCHOLISH MADJID TERHADAP TERJEMAHAN AL-QURAN

Comparative Analysis of the Worldview of Syed Muhammad Naquib al-Attas and Nurcholish Madjid on the Quranic Interpretation

DAYANA BATRISYA ZAHRAIN*¹

ABSTRACT

A comparative analysis of the Quran interpretation methodologies of Syed Muhammad Naquib al-Attas and Nurcholish Madjid reveals different approaches that impact the interpretation of the Qur'anic text in contemporary contexts. The main issue of this study lies in the significant differences between the traditional and contextual approaches adopted by these two figures, raising questions about the effectiveness of their methodologies in addressing the challenges faced by modern Muslim communities. Thus, this study aims to identify the similarities and differences in their approaches and to assess their relevance in dealing with current issues. This study used a qualitative method by analysing the primary works from both figures as well as relevant secondary references. Syed Muhammad Naquib al-Attas emphasises a traditional approach grounded in Islamic epistemology, which focuses on the integrity of knowledge rooted in divine revelation. In contrast, Nurcholish Madjid prioritises a reformist and contextual approach that aligns Quran interpretation with the social and historical context of the Muslim community. The findings of the study indicate that despite clear differences in their approaches, both scholars share a common goal of preserving Islamic values to stay relevant over the periods. Al-Attas stresses the protection of tradition, whereas Nurcholish highlights renewal. This study contributes significantly to understanding the diversity of Qur'anic interpretive methodologies and their implications for the development of contemporary Islamic thought.

Keywords: *Quran, interpretation, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Nurcholish Madjid*

PENDAHULUAN

Tafsir al-Quran merupakan salah satu bidang utama dalam pengajian Islam yang sangat

¹ **Dayana Batrisya Zahrain*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: p146945@siswa.ukm.edu.my

penting kerana ia membimbing umat Islam untuk memahami dan mengaplikasikan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Seiring dengan perkembangan zaman dan cabaran yang dihadapi umat Islam, pendekatan terhadap tafsir juga telah mengalami perubahan, selaras dengan keperluan dan konteks semasa. Menurut Ahmad Farid et al. (2023), Sebagai *Kalamullah* dan *hudan linnas*, al-Quran memiliki makna yang luas serta dapat menyesuaikan diri dengan keadaan dan perkembangan zaman. Hal ini menjadikan tafsiran al-Quran pada waktu tertentu sangat penting, begitu juga dengan kedudukan para penafsirnya. Dalam tradisi tafsir, terdapat pelbagai metodologi yang digunakan untuk menafsirkan al-Quran, dan setiap pendekatan ini memberi kesan yang besar terhadap pemahaman teks suci tersebut. Salah satu aspek yang menarik dalam kajian tafsir adalah perbezaan pendekatan yang diambil oleh tokoh-tokoh penting, khususnya dalam menghadapi cabaran umat Islam moden.

Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Nurcholish Madjid adalah dua tokoh pemikir Islam yang sangat berpengaruh dalam bidang ini. Keduanya menawarkan metodologi tafsir yang berbeza, tetapi keduanya bertujuan untuk memastikan al-Quran tetap relevan dalam kehidupan umat Islam. Syed Muhammad Naquib al-Attas, seorang intelektual dari Malaysia, memperkenalkan pendekatan tradisional yang berfokus pada epistemologi Islam dan penekanan terhadap ilmu yang berpaksikan wahyu. Bagi beliau, tafsir al-Quran perlu berlandaskan prinsip-prinsip tradisi Islam yang asli dan tidak boleh dipisahkan dari panduan wahyu yang diberikan melalui al-Quran dan Hadith. Para ulama masa kini seperti Al-Attas adalah ulama yang mengembangkan pemikiran dan keilmuan dengan menggiring pemikiran keilmuan kembali pada dasarnya iaitu al-Quran dan Hadith. Al-Attas merupakan ulama masa kini yang memperkenalkan pemikiran dan keilmuan yang kembali pada Islam (Awang Darmawan Putra & Rina Desiana, 2021). Pendekatan ini menekankan pemeliharaan nilai-nilai dan ajaran Islam yang telah diterima dan diikuti oleh umat Islam sepanjang zaman.

Manakala, Madjid, seorang tokoh pemikir dari Indonesia, mengemukakan pendekatan yang lebih bersifat reformis dan kontekstual dalam tafsir al-Quran. Madjid percaya bahawa tafsir al-Quran harus disesuaikan dengan perkembangan zaman dan perubahan sosial, supaya umat Islam dapat mengaplikasikan ajaran al-Quran dalam menghadapi cabaran yang lebih kompleks dalam masyarakat moden. Pendekatan ini menekankan kebebasan berfikir dan pemikiran kritis dalam menilai teks al-Quran. Bagi Madjid (1992) dengan kebebasan, manusia dapat bereksperimen dengan pelbagai idea, dan kebebasan ini memungkinkan penemuan baharu dalam semua bidang. Oleh itu, eksperimen dan kreativiti adalah syarat pertumbuhan,

dan semuanya memerlukan kebebasan. Menurut Muh. Tasrif (2016), menafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pelbagai topik, termasuk konsep pluralisme, seperti yang dilakukan oleh Nurcholish, telah mencetuskan kontroversi yang cukup mendalam.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan dalam metodologi tafsir yang dikembangkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Nurcholish Madjid. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat sejauh mana kedua-dua pendekatan ini dapat saling melengkapi dalam membentuk pemikiran Islam yang lebih dinamik dan relevan. Pendekatan tradisional yang ditekankan oleh al-Attas, yang berlandaskan epistemologi wahyu, dan pendekatan kontekstual Madjid, yang lebih menekankan kepada penyesuaian dengan konteks sosial, mungkin memberi kita pandangan yang lebih holistik dalam memahami dan mengaplikasikan tafsir al-Quran pada masa kini.

Secara keseluruhan, kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk memahami metodologi tafsir kedua-dua tokoh, tetapi juga untuk memberikan sumbangan dalam memperkaya pemikiran Islam kontemporari. Dengan memahami dan menganalisis kedua-dua pendekatan ini, diharapkan ia dapat membantu umat Islam lebih baik dalam mengaplikasikan ajaran al-Quran dalam menghadapi cabaran dunia moden yang semakin kompleks.

BIOGRAFI DAN LATAR BELAKANG TOKOH

1. Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Syed Muhammad Naquib bin Ali bin Abdullah bin Muhsin bin Muhammad Al-Attas, yang lebih dikenali sebagai Naquib al-Attas, dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Jawa Barat Indonesia (Muhammad Sakti Garwan, 2019). Beliau merupakan seorang cendekiawan Muslim yang terkenal dengan pengaruh besar dalam bidang pemikiran Islam, sejarah, falsafah, dan pendidikan. Menurut Aidil Farina dan Azmul Fahimi (2020), al-Attas berasal daripada keturunan Arab dan merupakan sebahagian daripada susur galur *ahl al-bayt* atau *sayyid* melalui sebelah bapanya, iaitu keluarga Ba'Alawi dari Hadhramaut. Keturunannya dikaitkan hingga kepada Imam Hussein, cucu Nabi Muhammad SAW, dan kedudukannya sebagai keturunan ke-37 tercatat dalam salasilah rasmi keluarganya. Al-Attas juga dengan jelas menyatakan bahawa beliau adalah keturunan *ahl al-bayt* dari kelompok *Ahlu Sunnah wal Jamaah* dan bukan daripada golongan Syiah.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas adalah salah seorang tokoh intelektual terkemuka yang telah memberi sumbangan besar dalam pengembangan pemikiran Islam yang mendalam dan menyeluruh di dunia Islam, terutamanya di Asia Tenggara. Al-Attas memulakan pendidikan seawal usia lima tahun, apabila keluarganya menghantar beliau ke Johor untuk belajar di Sekolah Dasar Ngee Heng. Kemudian ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, keluarga beliau telah menghantarnya ke Jawa Barat bagi melanjutkan pelajaran di Madrasah *Al-Urwatu Al-Wuthqa*, Sukabumi. Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, beliau kembali ke Johor dan menyambung pelajaran di Bukit Zaharah School sebelum meneruskan pendidikan di English College, Johor (Farid Mat Zain & Alif Fitri, 2019).

Seterusnya, Al-Attas kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Falsafah Islam (*taṣawwuf*) di Institute of Islamic Studies, Universiti McGill, Montreal pada tahun 1960. Beliau berjaya menyelesaikan tesisnya bertajuk *Raniri and the Wujudiyyah of 17th Century Aceh* pada 1962 dan lulus dengan kepujian. Pada 1963, al-Attas melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau dibimbing oleh Profesor A.J. Arberry dan Dr. Martin Lings di *School of Oriental and African Studies* (SOAS), Universiti London. Kajian beliau bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* telah diterima sebagai tesis Doktor Falsafah pada Mei, 1966 dalam bidang falsafah, teologi dan metafizika Islam serta kesusasteraan Melayu Islam (Aidil Farina & Azmul Fahimi, 2020).

Sebagai seorang pemikir, al-Attas banyak menulis tentang pemikiran Islam yang murni dan kembali kepada tradisi intelektual Islam yang asal. Al-Attas berpendapat bahawa ilmu pengetahuan yang berkembang dalam masyarakat moden sering kali terpisah dari nilai-nilai agama, yang mengakibatkan kesesatan dalam penerapannya. Beliau mengusulkan konsep Islamisasi ilmu, yang bertujuan untuk menyaring dan menyesuaikan ilmu yang diperoleh dari luar tradisi Islam dengan prinsip-prinsip wahyu. Al-Attas melihat Islamisasi ilmu sebagai usaha membebaskan manusia daripada tradisi magis, animisme, mitos, serta pemahaman kebudayaan dan kebangsaan pra-Islam, selain daripada pandangan dan tafsiran Barat yang berasaskan ideologi sekular. Usaha ini juga bertujuan untuk membebaskan manusia daripada makna dan ungkapan yang bercorak sekular (Raihan Fadly, 2023). Beliau juga menekankan bahawa ilmu yang benar hanya dapat dicapai apabila ia dikaitkan dengan wahyu Tuhan, kerana ilmu yang tidak berlandaskan agama akan menyebabkan kekeliruan dalam memahami realiti kehidupan.

Beliau turut mengkritik pemikiran Barat yang seringkali dianggap bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan menganjurkan kembalinya umat Islam kepada sumber- sumber asli Islam

seperti al-Quran, Hadith, dan pemikiran ulama klasik. Beliau dikenali dengan pemikirannya yang mendalam mengenai hubungan antara ilmu, agama, dan peradaban, serta keperluan untuk membangunkan sebuah sistem pendidikan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Menurutnyanya, agama memainkan peranan penting dalam membentuk ilmu pengetahuan yang seimbang, yang tidak hanya mengutamakan kebendaan tetapi juga mengarah kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai Tuhan dan kehidupan manusia. Dalam pandangan al-Attas, Islam menyediakan kerangka epistemologi yang lengkap, yang memastikan bahawa ilmu pengetahuan tidak hanya bermanfaat secara duniawi tetapi juga membawa manusia lebih dekat kepada Tuhan.

Al-Attas juga terkenal dengan karya-karyanya yang berpengaruh, antaranya *“Prolegomena to the Metaphysics of Islam”* yang membahaskan secara mendalam tentang ilmu, epistemologi, dan metodologi, termasuk bagaimana al-Quran difahami sebagai sumber ilmu. *“The Concept of Education in Islam”* dan *“Islam and Secularism”* juga adalah antara karya al-Attas yang telah memberi impak besar kepada intelektual Muslim di seluruh dunia, dengan penekanan pada pentingnya penyucian akal, pemulihan ilmu yang murni, dan kebangkitan peradaban Islam yang sebenar. Pada tahun 1988, Menteri Pendidikan Malaysia, yang juga merupakan Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, melantik al-Attas sebagai profesor dalam bidang pemikiran dan tamadun Islam. Beliau turut dilantik sebagai pengarah The International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). Pada 4 Oktober 1991, ISTAC secara rasmi dibuka, merealisasikan impian dan aspirasi al-Attas untuk membangunkan sebuah “rumah ilmu” demi masa depan Islam (Awang Darmawan Putra & Rina Desiana, 2021).

Pengaruh al-Attas tidak terhad kepada dunia akademik sahaja, beliau juga berperanan dalam memimpin dan memberi panduan dalam usaha pembentukan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai Islam yang luhur. Pemikiran beliau mengenai pendidikan, falsafah, dan integrasi Islam dengan peradaban moden menjadikannya sebagai salah seorang tokoh utama dalam gerakan pemikiran Islam di dunia kontemporari. Al-Attas telah dianugerahkan pelbagai penghargaan sepanjang hidupnya atas sumbangannya dalam bidang ilmu dan pemikiran. Walaupun usia beliau kini semakin lanjut, legasi intelektualnya terus dihormati dan memberi kesan yang besar terhadap perkembangan pemikiran Islam dan pendidikan Islam di seluruh dunia.

2. Nurcholish Madjid

Nurcholish Madjid, yang lebih dikenali sebagai Cak Nur merupakan seorang tokoh neo-modernis yang terkenal dan berpengaruh di Indonesia (Muh.Tasrif, 2016). Beliau dilahirkan pada 17 Mac 1939 di Jombang, Jawa Timur, Indonesia. Beliau amat dikenali sebagai seorang cendekiawan Muslim yang amat berpengaruh dan terkenal dengan pemikiran Islamnya yang moderat, serta pandangannya yang pluralistik mengenai agama dan kemajuan sosial. Madjid meninggal dunia pada 29 Ogos 2005 di Jakarta, Indonesia. Beliau memulakan pendidikan tinggi di IAIN Jakarta pada 1961 serta memperoleh ijazah sarjana dalam bidang Bahasa dan Sastra Arab (Zaen Musyrifin, 2016). Kemudian, beliau melanjutkan pengajian di Universiti Chicago, Amerika Syarikat, dan berjaya memperoleh ijazah Sarjana dalam bidang Ilmu Agama dan Falsafah pada tahun 1974, diikuti dengan gelar doktor pada tahun 1981 dalam bidang Pemikiran Islam.

Sebagai seorang intelektual, Madjid sangat dikenali melalui sumbangannya dalam memperkenalkan pemikiran Islam yang lebih terbuka dan rasional di Indonesia. Beliau sering menekankan pentingnya dialog antara agama, penghargaan terhadap perbezaan, dan integrasi antara nilai-nilai agama dengan kemajuan zaman. Salah satu karya pentingnya adalah *“Islam, Doktrin, dan Peradaban”* yang membahasakan bahawa Islam di Indonesia mencerminkan kemajmukan yang merupakan kehendak Tuhan. Dalam al-Quran, manusia diciptakan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar saling mengenali dan menghormati. Kemajmukan ini membentuk pluralisme, iaitu penerimaan positif terhadap kepelbagaian dengan berusaha berbuat baik berdasarkan realiti tersebut (Zaen Musyrifin, 2016). Buku ini banyak memberi inspirasi kepada mereka yang ingin memahami hubungan antara Islam dan peradaban moden. Selain itu, Cak Nur juga aktif dalam pelbagai organisasi sosial dan pendidikan. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Umum Muhammadiyah, salah satu organisasi Islam terbesar di Indonesia, dan berperanan sebagai penasihat kepada pemerintah dalam beberapa isu agama dan sosial.

Madjid, juga terkenal dengan pemikirannya yang progresif mengenai sekularisasi, pluralisme, dan reformasi dalam Islam. Beliau menganggap sekularisasi sebagai proses yang tidak dapat dielakkan dalam dunia moden, namun ia perlu difahami dalam konteks yang lebih luas. Madjid berpendapat bahawa sekularisasi bukan bermaksud pemisahan total antara agama dan kehidupan, tetapi lebih kepada penyesuaian antara agama dan kemajuan sosial serta intelektual. Konsep sekularisasi menurut Madjid bertujuan untuk memperkukuhkan

tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi. Peranan sebagai khalifah memberikan manusia kebebasan untuk mengatur dan bertindak dalam usaha memperbaiki kehidupan di dunia, sambil menegaskan bahawa manusia bertanggungjawab atas setiap perbuatannya di dunia di hadapan Tuhan (Ahmad Miftachul Amin, 2023).

Mengenai pluralisme, Madjid berpendapat bahawa Islam tidak boleh dianggap sebagai agama yang eksklusif, tetapi sebaliknya harus menerima keragaman dalam masyarakat. Bagi beliau, Pluralisme merupakan realiti kehidupan yang harus diterima sebagai sebahagian daripada ketentuan Allah SWT, dengan tetap berlandaskan kepada teks-teks al-Quran dan hadith Nabi secara menyeluruh dan komprehensif. Pluralisme dalam Islam bukan bermaksud mengakui atau menerima bahawa semua agama adalah sama dan benar, tetapi mengiktiraf adanya kepelbagaian dalam konteks doktrin keagamaan (Johan setiawan, 2019).

Dalam konteks reformasi Islam, beliau menggesa umat Islam untuk melakukan pembaharuan dalam pemikiran dan amalan agama agar lebih relevan dengan zaman moden. Reformasi yang dimaksudkan oleh Madjid tidak bermaksud mengubah ajaran agama, tetapi lebih kepada penafsiran yang lebih terbuka dan fleksibel terhadap ajaran-ajaran Islam agar dapat diterima dalam konteks sosial, politik, dan budaya yang sentiasa berubah. Menurut Muammar Munir (2017), hasil gerakan pemikiran reformis yang dibawa oleh Madjid, ia membuka pandangan umat Islam di Indonesia bahawa Islam tidak semestinya terikat kepada keislaman normatif semata-mata. Sebaliknya, umat Islam di Indonesia perlu mampu melahirkan pemikiran yang bernas melalui pelbagai karya tulisan dan idea-idea lainnya.

Walaupun Madjid telah meninggal dunia, warisan pemikirannya terus hidup dan memberi impak yang besar terhadap masyarakat intelektual dan umat Islam di Indonesia serta di seluruh dunia. Pemikiran beliau yang progresif dan inklusif menjadikan beliau sebagai salah seorang tokoh utama dalam dunia pemikiran Islam kontemporari.

PANDANGAN ALAM SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS TERHADAP AL-QURAN

Syed Muhammad Naquib al-Attas, atau lebih dikenali sebagai Naquib al-Attas, merupakan seorang cendekiawan Muslim terkemuka yang telah memberi sumbangan besar dalam dunia pemikiran Islam. Beliau terkenal dengan pendekatannya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan, falsafah, dan pendidikan Islam. Dalam konteks penafsiran Al-Quran, al-Attas berpegang pada prinsip-prinsip tertentu yang menekankan pentingnya pemahaman yang murni

dan mendalam terhadap teks-teks suci. Metodologi penafsiran al-Quran oleh al-Attas berbeza daripada pendekatan tradisional yang bersifat literal atau sekadar pengajian teks semata-mata. Sebaliknya, beliau mengutamakan pendekatan yang lebih berstruktur dan bertumpu kepada pemahaman metafizik serta etika yang terkandung dalam wahyu.

1. Pendekatan Ontologi Dan Epistemologi dalam Penafsiran Al-Quran

Naquib al-Attas mendekati al-Quran dengan perspektif ontologi dan epistemologi yang mendalam, yang bermaksud beliau berfokus pada pemahaman tentang hakikat kewujudan dan sumber pengetahuan yang diperoleh melalui wahyu. Bagi al-Attas, penafsiran al-Quran tidak boleh dipisahkan daripada pemahaman asas mengenai realiti yang terkandung dalam wahyu itu sendiri. Beliau percaya bahawa al-Quran adalah sumber pengetahuan yang membawa kebenaran mutlak, yang datang dari Allah sebagai Pencipta yang Maha Mengetahui. Oleh itu, untuk memahami al-Quran, seseorang perlu berpegang kepada konsep ketuhanan yang jelas, di mana pemahaman ini akan membimbing pembaca kepada tafsiran yang benar dan menyeluruh.

Dalam metodologinya, al-Attas menekankan bahawa pengetahuan yang terkandung dalam al-Quran bersifat wahyu yang datang dari Allah dan tidak boleh dilihat hanya sebagai produk budaya atau sejarah manusia semata-mata. al-Quran bukan sekadar teks yang berfungsi untuk memberikan panduan kehidupan, tetapi ia adalah wahyu yang memerlukan pemahaman yang lebih tinggi melalui akal dan iman. Menurut Al-Attas, penafsiran al-Quran adalah manifestasi ayat-ayat Allah dalam bentuk teks dan bahasa. Pembacaan terhadap al-Quran perlu dilakukan secara iluminatif, iaitu dengan berusaha memperoleh cahaya *ma'rifatullah* iaitu pengenalan kepada Allah (Ansusa Putra & Zikwan, 2021).

Oleh itu, metodologi penafsiran beliau berasaskan pada hubungan yang erat antara iman dan akal, di mana kedua-duanya harus berjalan seiring dalam mencari makna yang mendalam dalam teks al-Quran. Beliau menolak pendekatan yang hanya menekankan tafsiran literal semata-mata, sebaliknya memfokuskan kepada penafsiran yang membawa kepada pemahaman yang lebih luas dan mendalam terhadap tujuan wahyu itu diturunkan.

2. Mengutamakan Sumber-Sumber Asli Dalam Penafsiran

Dalam metodologi penafsiran Al-Quran, Naquib al-Attas menekankan pentingnya kembali kepada sumber-sumber asli dalam tradisi intelektual Islam, terutamanya dalam memahami al-

Quran dan Hadith. Beliau berpendapat bahawa pemahaman terhadap al-Quran harus merujuk kepada sumber-sumber utama yang telah diakui dalam tradisi Islam, termasuk tafsiran daripada ulama-ulama klasik yang dihormati. Al-Attas tidak bersetuju dengan pemahaman yang terlalu terbuka terhadap tafsiran yang dihasilkan oleh pemikir-pemikir Barat atau pendekatan yang terlalu liberal dalam memahami teks-teks agama. Menurut al-Attas, al-Quran sememangnya merupakan wahyu yang diturunkan sebagai respons terhadap peristiwa atau keadaan tertentu dalam masyarakat. Penjelasan ini sama sekali tidak menafikan atau mengurangkan kemukjizatan al-Quran itu sendiri (Muhammad Sakti Garwan, 2019).

Bagi al-Attas, para ulama klasik seperti al-Ghazali, Ibn Taymiyyah, dan Ibn Arabi telah menyediakan tafsiran yang mendalam dan penuh kebijaksanaan yang boleh dijadikan rujukan dalam usaha memahami Al-Quran dengan lebih tepat. Beliau juga menganggap bahawa teks-teks tersebut memberikan panduan yang penting untuk melahirkan pemahaman yang tepat tentang hakikat agama Islam. Dalam hal ini, al-Attas menekankan perlunya sebuah pendekatan yang lebih mendalam terhadap tafsiran dan ilmu-ilmu klasik yang tidak boleh dipinggirkan hanya kerana perkembangan zaman.

Al-Attas berpendapat bahawa tafsiran yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang diambil daripada ulama-ulama terdahulu lebih mampu melindungi umat Islam daripada terjerumus ke dalam pemahaman yang salah atau menyeleweng. Menurut Ansusa Putra dan Zikwan (2021), falsafah Al-Attas menekankan bahawa penafsiran al-Quran perlu bertujuan untuk memahami makna sebenar kandungannya mengikut kehendak al-Quran. Teks-teks al-Quran mempunyai hak yang penting ke atas semua manusia, terutamanya umat Islam. Oleh itu, penggunaan metabahasa diperlukan untuk mencapai makna hakiki yang terkandung dalam al-Quran. Oleh itu, beliau menekankan kepentingan menjaga kesucian ajaran Islam dan tidak membenarkan tafsiran yang cenderung kepada pemikiran sekular atau pluralistik yang bercanggah dengan prinsip-prinsip asas dalam al-Quran.

3. Penekanan Terhadap Etika Dan Moral Dalam Penafsiran Al-Quran

Aspek penting lain dalam metodologi penafsiran al-Quran oleh al-Attas adalah penekanan terhadap etika dan moral yang terkandung dalam teks-teks Al-Quran. Al-Attas berpendapat bahawa tujuan utama wahyu adalah untuk membentuk karakter umat manusia yang adil, mulia, dan berperadaban. Dalam hal ini, penafsiran al-Quran perlu dilihat sebagai alat untuk memperbaiki dan memurnikan akhlak umat Islam.

Kedudukan al-Quran sebagai panduan utama dalam mengatur kehidupan manusia, teks- teks al-Quran dianggap sebagai asas dalam pembangunan peradaban. Islam, dalam usahanya mencapai peradaban yang maju, berlandaskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam al-Quran.

Menurut Makhfira Nuryanti dan Lukman Hakim (2020), pemikiran-pemikiran al-Attas adalah mengembalikan nilai Islam sebagai pandangan dunia (reaktualisasi ajaran Islam), mengusung kemandirian Islam dari jeratan peradaban Barat (dewesternisasi) dan gagasan desekularisasi, suatu upaya mengintegrasikan ilmu-ilmu keislaman, mengembalikan keharmonisan antara agama (Islam) dengan sains. Oleh itu, peradaban yang dibangun berdasarkan ajaran al- Quran bukan sahaja bertujuan untuk mewujudkan kemajuan dan perkembangan, tetapi pada masa yang sama membentuk akhlak manusia yang bermoral, beretika, dan berestetika tinggi, sehingga terhasil keseimbangan antara kedua-duanya (Ansusa Putra & Zikwan, 2021).

Dalam karya-karya beliau, al-Attas sering menegaskan bahawa al-Quran memberikan panduan tentang bagaimana umat Islam seharusnya berkelakuan dalam kehidupan sehari-hari, dengan menekankan nilai-nilai seperti keadilan, kasih sayang, dan penghormatan terhadap sesama manusia. Beliau berpendapat bahawa penafsiran yang benar terhadap al-Quran tidak hanya menghasilkan pemahaman yang sahih mengenai teks-teks agama, tetapi juga mampu membentuk masyarakat yang etikal dan berperadaban tinggi.

PANDANGAN ALAM NURCHOLISH MADJID TERHADAP AL-QURAN

Nurcholish Madjid, atau Cak Nur, adalah seorang cendekiawan Muslim Indonesia yang terkenal dengan pendekatannya yang rasional dan progresif terhadap pemikiran Islam. Salah satu sumbangannya yang signifikan dalam dunia intelektual Islam adalah metodologi penafsiran al-Quran yang diperkenalkan olehnya. Dalam pandangan Madjid, al-Quran bukan sekadar kitab yang berisi hukum-hukum dan peraturan agama, tetapi juga merupakan sumber yang kaya dengan ajaran-ajaran moral, etika, dan prinsip- prinsip universal yang dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.

1. Penafsiran Kontekstual Sejarah

Salah satu ciri utama dalam metodologi penafsiran al-Quran oleh Nurcholish Madjid adalah penekanan terhadap konteks sejarah dan sosial ketika wahyu diturunkan. Madjid berpendapat bahawa untuk memahami maksud sebenar ayat-ayat al-Quran, seseorang itu perlu menilai dan mengambil kira konteks sejarah dan sosial pada masa wahyu tersebut diturunkan kepada Nabi

Muhammad SAW. Ini bermaksud bahawa teks-teks al-Quran tidak boleh dipahami secara terpisah daripada realiti sosio-politik dan budaya yang wujud pada zaman itu. Menurut Madjid, terdapat hierarki kontekstual dan universal dalam kandungan al-Quran yang tidak boleh diabaikan. Hierarki sumber ini melibatkan perbandingan antara teks dengan teks iaitu al-Quran dan Hadis menjadi satu kesatuan yang pasti. Namun, pemahaman ini tidak mencukupi jika konteks luas dalam perbincangan sesuatu ayat tidak diambil kira. Perhatian terhadap konteks dan hierarki sumber ini sering diabaikan dalam pendekatan metodologi tekstual. Penekanan terhadap hierarki ini akan menunjukkan keunikan setiap zaman dalam mengaitkan konteks yang melingkupi Al-Quran. Oleh itu, setiap generasi di masa dan tempat tertentu berhak, bahkan berkewajipan, untuk mentafsirkan ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Quran (Abdul Azis Fatkhurrohman, 2024).

Madjid menegaskan bahawa pendekatan kontekstual ini adalah penting untuk mengelakkan penafsiran yang salah atau ekstrem yang boleh berlaku jika teks-teks al-Quran dibaca secara literal tanpa mempertimbangkan latar belakangnya. Beliau memberi contoh dalam isu poligami dan hukuman hudud, yang pada pandangan beliau perlu difahami dalam konteks zaman itu, tetapi tidak bererti ia tidak boleh disesuaikan atau ditafsirkan semula dengan mengambil kira nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan yang berlaku pada zaman moden. Dalam hal ini, beliau menekankan bahawa penafsiran Al-Quran harus bersifat dinamik dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman, namun tetap berpegang kepada prinsip-prinsip dasar Islam.

2. Pemikiran Rasional dan Berfikiran Kritis

Aspek kedua yang menonjol dalam metodologi penafsiran al-Quran oleh Madjid adalah penggunaan rasionalisme dan fikiran kritis. Dalam pandangan beliau, umat Islam harus menggunakan akal mereka dalam memahami dan menafsirkan al-Quran. Madjid tidak bersetuju dengan pandangan yang melihat al-Quran sebagai teks yang statik dan tidak boleh dipertanyakan. Bagi Madjid, agama berasal daripada Tuhan Yang Maha Mutlak.

Namun, pemahaman keagamaan, yang diertikan oleh Madjid sebagai cara pandang atau tafsiran manusia terhadap agamanya, mengandungi nilai yang bersifat relatif. Kerelatifan ini wujud kerana ia dipengaruhi oleh perbezaan daya dan kemampuan manusia dalam melaksanakannya. Oleh itu, nilai kebenaran yang terkandung dalam pemahaman agama masih terbuka untuk diperdebatkan (Muhyidin Azmi, 2023). Sebaliknya, beliau menggalakkan umat Islam untuk menggunakan akal mereka dalam berinteraksi dengan teks-teks al-Quran dan

mencari penafsiran yang lebih sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan keperluan hidup moden. Beliau sering menegaskan bahawa wahyu-wahyu al-Quran mengajak umat Islam untuk berfikir secara mendalam dan tidak menerima sesuatu dengan begitu sahaja. Dalam hal ini, beliau mengajak umat Islam untuk melihat al-Quran bukan sekadar sebagai teks keagamaan yang kaku, tetapi sebagai sumber ilmu yang mendorong kepada penemuan dan perkembangan intelektual.

Penerapan rasionalisme dalam penafsiran al-Quran ini juga bermaksud bahawa teks-teks al-Quran harus ditafsirkan dengan mempertimbangkan realiti dunia moden. Menurut Madjid (1987), dalam karyanya yang berjudul *Islam Kemodernan dan Keindonesiaan*, beliau mendefinisikan modernisasi sebagai rasionalisasi untuk mencapai keberkesanan dalam berfikir dan bertindak demi kebahagiaan manusia, selaras dengan fitrah atau *Sunnatullah* (Hukum Ilahi) yang berlandaskan kebenaran dan hukum alam. Untuk menjadi moden, manusia mesti memahami dan mengikuti hukum alam tersebut. Sebagai contoh, dalam isu-isu sosial, ekonomi, dan politik, Madjid percaya bahawa umat Islam perlu merujuk kepada prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam al-Quran tetapi juga harus menggunakan akal untuk menilai dan mengaplikasikan hukum-hukum tersebut dalam konteks masa kini.

3. Pluralisme dan Toleransi

Salah satu sumbangan terbesar Madjid dalam metodologi penafsiran al-Quran adalah penekanan terhadap pluralisme dan toleransi. Pluralisme bermaksud kepelbagaian atau lebih daripada satu. Pluralisme agama menurut Madjid adalah hubungan sejati yang terbina melalui ikatan keadaban. Beliau menyatakan bahawa konsep kemajmukan umat manusia adalah asas yang penting dalam Islam. Konsep ini, secara konsisten, boleh diterjemahkan ke dalam bentuk pluralisme moden yang berasaskan toleransi. Pluralisme di sini difahami sebagai hubungan tulen antara pelbagai peradaban yang berbeza. Walaupun pluralisme sejati jarang berlaku dalam sejarah, Islam telah membuktikan bahawa hal ini adalah sesuatu yang mungkin (Muhyidin Azmi, 2023).

Madjid berpendapat bahawa al-Quran mengajarkan umat Islam untuk menghargai perbezaan dan hidup berdampingan dengan masyarakat yang berbilang agama dan budaya. Dalam hal ini, beliau menekankan pentingnya dialog antara agama dan kebebasan beragama serta berpendapat bahawa penafsiran al-Quran harus mencerminkan nilai-nilai pluralisme ini,

yang mana umat Islam perlu menerima hakikat bahawa agama-agama lain juga mempunyai nilai-nilai moral yang berharga dan patut dihormati.

Bagi Madjid, al-Quran bukan hanya mementingkan hubungan sesama umat Islam sahaja, tetapi juga mengajarkan cara-cara untuk berhubung dengan orang-orang yang berbeza agama. Dalam pandangan beliau, Islam tidak boleh dipersempitkan kepada sebuah agama yang eksklusif, tetapi sebaliknya ia adalah agama yang mengajarkan kedamaian, keadilan, dan penghormatan terhadap sesama manusia.

ANALISIS PERBANDINGAN PANDANGAN ALAM SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS DAN NURCHOLISH MADJID

Naquib Al-Attas dan Nurcholish Madjid memiliki metodologi dan pendekatan tersendiri dalam menafsirkan ayat al-Quran. Berikut adalah analisis persamaan dan perbezaan bagi pendekatan metodologi yang digunakan oleh kedua-dua tokoh ini.

Jadual 1.0 : Perbandingan metodologi tafsir Naquib Al-attas dan Nurcholish Madjid

Analisis Perbandingan	Syed Muhammad Naquib Al-Attas	Nurcholish Madjid
Persamaan	Mengiktiraf al-Quran sebagai sumber utama ajaran Islam yang bersifat universal, relevan sepanjang zaman. Menekankan kepentingan memahami konteks sejarah, budaya, dan masyarakat dalam menafsirkan al-Quran. Mempromosikan integrasi ilmu naqli (wahyu) dan aqli (rasional) dalam memahami teks al-Quran secara menyeluruh. Memberikan perhatian terhadap isu-isu kontemporari dan relevansi ajaran al-Quran dengan cabaran zaman moden.	

Perbezaan	Fokus kepada konsep ilmu dan epistemologi Islam yang berpaksikan wahyu sebagai sumber utama kebenaran.	Fokus kepada usaha modernisasi Islam melalui pendekatan inklusif dan rasional.
	Menegaskan pentingnya adab dalam ilmu, iaitu ilmu yang dipandu nilai etika dan adab Islam.	Memberi perhatian terhadap pluralisme agama dan keterbukaan kepada pelbagai pandangan serta budaya.
	Berpegang kepada pendekatan tradisional dan menolak unsur-unsur sekularisme dan Westernisasi dalam ilmu.	Lebih bersifat pragmatik dengan menyesuaikan tafsir al-Quran kepada konteks perubahan masyarakat moden.
	Mengkritik secara tajam dominasi budaya Barat dan sekularisasi yang dianggap merosakkan epistemologi Islam.	Lebih terbuka terhadap wacana perubahan sosial serta interaksi dengan pemikiran Barat.

Sebagai contoh, dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11, Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۚ

Maksudnya:

Sesungguhnya, Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Penafsiran Syed Muhammad Naquib al-Attas terhadap maksud ayat diatas menekankan bahawa perubahan harus bermula dari individu. Menurut Al-Attas, manusia yang baik merujuk kepada individu yang beradab, bijaksana, mengenali, dan menyedari hakikat sesuatu, termasuk kedudukan Tuhan dalam hakikat tersebut (Muhammad Sakti Garwan, 2019). Untuk mencapai perubahan yang sebenar, seseorang itu perlu memperbaiki jiwa dan ilmu mereka. Al-Attas menggariskan bahawa perubahan yang sebenar hanya dapat berlaku apabila individu berusaha untuk memperbaiki diri melalui pengetahuan yang benar, yang berasaskan wahyu serta adab (kesopanan dan etika). Beliau berpendapat bahawa perubahan yang dipengaruhi oleh ideologi sekular atau budaya Barat akan merosakkan manusia dan masyarakat, kerana ia mengabaikan asas-asas keilmuan yang berpandukan ajaran agama yang murni.

Manakala Nurcholish Madjid, melihat ayat ini sebagai seruan untuk perubahan secara kolektif dalam masyarakat. Beliau menekankan bahawa perubahan yang berlaku dalam sebuah masyarakat bukan sahaja bergantung kepada individu, tetapi juga melibatkan perubahan cara berfikir dan bertindak secara keseluruhan. Madjid menegaskan bahawa perubahan dalam masyarakat berlaku apabila masyarakat menerima pluralisme (kepelbagaian pandangan) dan mengamalkan pendekatan rasional dalam berfikir dan bertindak. Beliau percaya bahawa Islam perlu disesuaikan dengan perkembangan zaman moden, tetapi dengan tetap berpegang pada nilai-nilai asas ajaran agama Islam yang tidak boleh dikompromikan. Beliau turut menegaskan bahawa jika berlaku konflik antara ajaran Islam dan pencapaian moden, langkah yang perlu diambil bukanlah menolak kemodenan tersebut, tetapi mentafsir semula ajaran itu (Nasitotul Janah, 2017). Jelaslah bahawa, Madjid memperlihatkan perubahan harus bersifat inklusif dan responsif terhadap cabaran zaman.

Natijahnya, Al-Attas menegaskan bahawa perubahan yang efektif bermula dengan usaha individu untuk memperbaiki diri mereka melalui ilmu yang berpandukan wahyu, manakala Madjid menekankan bahawa perubahan yang berkesan memerlukan usaha kolektif dari masyarakat untuk mengadaptasi Islam dengan perkembangan zaman moden.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi tafsir Syed Naquib al-Attas dan Nurcholish Madjid menunjukkan perbezaan yang jelas dalam pendekatan mereka terhadap penafsiran al-Quran. Al-Attas mengamalkan metodologi tafsir yang tradisional, yang lebih berfokus kepada pemahaman teks al-Quran secara autentik dan sistematik berdasarkan prinsip-prinsip tafsir klasik. Pendekatan al-Attas menekankan keselarasan antara wahyu dan aqidah Islam yang murni, serta menolak pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam yang asli. Oleh itu, tafsir yang dikembangkan oleh al-Attas bersifat lebih konservatif dan tidak memberi ruang kepada pluralisme atau penerimaan pandangan luar yang dianggap bertentangan dengan prinsip agama. Sebaliknya, Nurcholish Madjid mengemukakan metodologi tafsir yang lebih terbuka dan inklusif, yang memasukkan unsur pluralisme dan kontekstualisasi dalam penafsiran al-Quran. Madjid berpendapat bahawa tafsir perlu disesuaikan dengan konteks sosial, politik, dan intelektual zaman moden, serta mengiktiraf kepelbagaian pandangan dalam tradisi Islam. Madjid lebih menekankan pentingnya fleksibiliti dan penerimaan kepelbagaian pandangan dalam dunia yang semakin plural. Kedua-dua pendekatan ini memainkan peranan penting dalam memperkaya pemahaman al-Quran dalam konteks sejarah dan sosial yang berbeza.

RUJUKAN

Al-Quran.

- Amin, A. M. 2023. Konsep Sekularisasi Menurut Nurkholis Majid (Studi Atas Pemikiran Sekularisasi Nurcholish Madjid). *MANTHIQ: Jurnal Filsafat Agama dan Pemikiran Islam* 7(1): 1-10.
- Azmi, M. 2023. INTERPRETASI NURCHOLISH MADJID ATAS AYAT-AYAT AL-QUR'AN TENTANG PLURALISME AGAMA. *Tanzil: Jurnal Studi Al-Quran* 5(2): 101-112.
- Fadly, R. 2023. Islamisasi Ilmu dalam Pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan Ziauddin Sardar. *Journal of Education Religion Humanities and Multidiciplinary* 1(1): 12-22.
- Farid, A., Daniati, P., Noor, R., Nuryeni, N., Zuhruha, A. P., Febiana, R., Aulia, R. & Aulia, T. 2023. Karakteristik Metode Tafsir Al-Quran Secara Holistik (Studi Literatur). *Indo-MathEdu Intellectuals Journal* 4(3): 1709-1716.
- Fatkhurrohman, A. A. 2024. Nilai Lokalitas Penafsiran Kalimatun sawāQS Ali Imran Ayat 64 Perspektif Nurcholish Madjid. *Al-Fahmu: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir* 3(2): 149-162.
- Janah, N. 2017. Nurcholish Madjid dan Pemikirannya (Diantara Kontribusi dan Kontroversi). *Cakrawala: Jurnal Studi Islam* 12(1): 44-63.
- Madjid, N. 1987. *Islam Kemodernan dan Keindonesiaan*. Bandung: Penerbit MIZAN.
- Madjid, N. 1992. *Islam Doktrin Dan Peradaban*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Munir, M. 2017. Nurcholish Madjid dan Harun Nasution serta Pengaruh Pemikiran Filsafatnya. *PETITA* 2: 60.
- Musyirifin, Z. 2016. Pemikiran Nurcholis Madjid tentang Pembaharuan Pendidikan Islam. *Madaniyah* 6(2): 315-326.
- Nuryanti, M. & Hakim, L. 2020. Pemikiran Islam Modern Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Substantia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin* 22(1): 73.
- Omar, A. F. & Kamaruzaman, A. F. 2020. Konteks Historiografi Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Tuah* 1(1).
- Putra, A. D. & Desiana, R. 2022. Epistemologi Islamisasi Ilmu Syed Mohammad Naquib Al-Attas (Implikasinya Bagi Pemikiran dan Keilmuan). *Fikrah: Journal of Islamic Education* 5(2): 91-106.
- Putra, D. A. & Zikwan, Z. 2021. Peradaban Teks: Konsep Penafsiran Al-Quran Syed Nuqaib Al-Attas Menghadapi Modernisasi. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 5(1): 229-248.
- Setiawan, J. 2019. Pemikiran Nurcholish Madjid Tentang Pluralisme Agama Dalam Konteks Keindonesiaan. *Zawiyah: Jurnal Pemikiran Islam* 5(1).
- Tasrif, M. 2016. Indonesia Modern Sebagai Konteks Penafsiran: Telaah Metodologi Penafsiran Alquran Nurcholish Madjid (1939-2005). *Nun: Jurnal Studi Alquran dan Tafsir di Nusantara* 2(2):
- Zain, F. 2019. *Nusantara Selepas Merdeka: Cabaran Agamawan Dalam Membela Dan Membangun Tanah Air*. Fakulti Pengajian Islam UKM.